



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



ANALISIS STEREOTAIP ANTARA ETNIK PENDUDUK SEKSYEN 2, WANGSA MAJU, KUALA LUMPUR

AN ANALYSIS ON INTER-ETHNIC STEREOTYPE OF POPULATION AT SECTION 2, WANGSA MAJU, KUALA LUMPUR

Marzudi Md Yunus^{1*}, Hairol Anuar Mak Din², Nor Azlili Hassan³, Azlina Abdullah⁴, Ummi Munirah Syuhada Mohamad Zan⁵

¹ Jabatan Sosio-Budaya/Kesenian Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Malaysia

Email: marzudi@um.edu.my

² Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan, Universiti Islam Selangor, Malaysia

Email: hairolanuar@kuis.edu.my

³ Jabatan Pengajian Umum Fakulti Industri Kreatif, UTAR, Malaysia

Email: azlili@utar.edu.my

⁴ Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Email: azlina_ab@ukm.edu.my

⁵ Jabatan Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Islam Selangor, Malaysia

Email: ummi@kuis.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.03.2023

Revised date: 20.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 27.06.2023

To cite this document:

Yunus, M. M., Mak Din, H. A., Hassan, N. A., Abdullah, A., & Zan, U. M. S. M. (2023). Analisis Stereotaip Antara Etnik Penduduk Seksyen 2, Wangsa Maju, Kuala Lumpur. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 32), 433-443.

DOI: 10.35631/IJLGC.832033.

Abstrak:

Fenomena stereotaip memberi kesan ke atas interaksi antara pelbagai etnik dan boleh mengancam perpaduan di Malaysia. Istilah stereotaip adalah merujuk kepada suatu kenyataan yang terlalu umum terhadap sesuatu kumpulan etnik, sama ada berbentuk negatif mahupun sebaliknya. Kepercayaan stereotaip terhadap etnik lain berupaya menimbulkan pelbagai masalah terhadap interaksi dalam kehidupan terutamanya dalam situasi masyarakat yang beraneka etnik, apatah lagi negara ini pernah berhadapan dengan tragedi berdarah 13 Mei 1969. Cakna terhadap kepentingan konsep stereotaip ini, maka kajian tinjauan telah dilakukan untuk mengenal pasti kefahaman serta kepercayaan stereotaip oleh ahli suatu komuniti multi-etnik terhadap etnik lain. Pendekatan kuantitatif dipraktikkan dengan teknik persampelan yang digunakan adalah secara bersasar iaitu dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan (purposive sampling). Responden seramai 300 orang adalah dalam kalangan komuniti penduduk berbilang etnik yang tinggal di Seksyen 2, Wangsa Maju, Kuala Lumpur. Penemuan kajian berdasarkan tiga konstruk iaitu: 1) konstruk perincian

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



mudah, 2) konstruk anggap semua ahli etnik sama, dan 3) konstruk pernyataan umum negatif telah mendapati bahawa majoriti responden mempunyai fahaman yang stereotaip terhadap etnik lain iaitu sebanyak 80 peratus. Berkesinambungan daripada dapatan kajian ini, kajian susulan boleh dicadangkan dengan mempelbagaikan responden berdasarkan umur, jantina serta kelas sosial agar konsep stereotaip dapat dilihat secara menyeluruh.

Kata Kunci:

Stereotaip, Multi-Etnik, Komuniti, Etnisiti, Interaksi Sosial

Abstract:

The phenomenon of stereotype affects the interaction between various ethnic groups and is threatening unity in Malaysia. The term stereotype refers to a statement that is too general towards an ethnic group, whether negative or otherwise. Stereotyped beliefs about other ethnicities be able to cause various problems of interactions in life, especially in the situation of a diverse society, not to mention that this country has faced the bloody tragedy of May 13, 1969. In light of the importance of this concept of stereotypes, a study was carried out to identify the understanding as well as stereotypical beliefs by members of a multi-ethnic community towards other ethnicities. The quantitative approach was used with the application of a sampling technique called purposive sampling method. A total of 300 respondents who are among the multi-ethnic community living in Seksyen 2, Wangsa Maju, Kuala Lumpur were chosen. Research findings based on three constructs namely: 1) simple detail construct, 2) construct considering all ethnic members to be the same, and 3) negative general statement construct have found that majority of respondents has their stereotypical understanding of other ethnicities (80%). Based on the finding, the study suggests that a further studies become relevance by diversifying the respondents according to their age, gender and social class so that the concept of stereotyping can be examined comprehensively.

Keywords:

Stereotypes, Multi-ethnic, Community, Ethnicity, Social interaction

Pengenalan

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian kaum, Bahasa, agama dan budaya. Menurut Marzudi (2018) Kepelbagaian ini sering mencetuskan insiden yang tidak diingini akibat daripada sikap prejudis dan ketidakseimbangan sosial di dalam negara. Sikap prejudis ini lahir daripada fikiran stereotaip negatif yang melampau. Stereotaip menurut Shamsul (2012) merupakan kenyataan umum terhadap sesuatu kumpulan etnik, sama ada berbentuk negatif ataupun positif. Fahaman stereotaip terhadap etnik di Malaysia telah sedia ada dan berkembang semenjak zaman penjajahan Inggeris lagi. Kewujudan masyarakat majmuk yang muncul di negara ini adalah akibat daripada dasar-dasar kolonial yang menggalakkan penghijrahan masuk orang luar Tanah Melayu mengikut kehendak-kehendak sistem ekonomi.

Masyarakat majmuk di Malaysia mempunyai ciri-ciri tertentu dan menghasilkan perbezaan yang ketara dalam segenap aspek di mana sudah pasti setiap kelompok ini berpegang kuat kepada agama serta kepercayaan, adat serta budaya, bahasa serta dialek dan cara-cara kehidupan yang beraneka lagi kompleks. Perbezaan ini juga telah diburukkan lagi dengan kepercayaan-kepercayaan stereotaip terhadap setiap etnik oleh suatu etnik yang lain merupakan kelaziman dalam masyarakat sehingga menimbulkan masalah pertembungan etnik-etnik dari sudut sosial, ekonomi dan politik (Marzudi, 2018).

Stereotaip adalah satu gambaran yang diperbesar-besarkan dalam menjelaskan sifat etnik yang dirujuk, Farley (1982) menjelaskan bahawa stereotaip mempunyai fungsi dalam masyarakat iaitu untuk memperbesarkan suatu yang bertentangan dengan keadaan realiti budaya kumpulan etnik supaya sesuatu yang diperkatakan itu kelihatan seolah-olah benar. Kepercayaan ini diperkayakan lagi oleh kurangnya pengetahuan yang sebenar serta kurangnya pergaulan terhadap cara hidup dan budaya setiap etnik yang ada dalam komuniti masing-masing.

Pernyataan Masalah

Stereotaip ini adalah gambaran secara berlebihan tentang sesuatu perlakuan baik atau buruk yang disasarkan kepada suatu kumpulan etnik lain. Stereotaip lebih kepada gambaran atau anggapan yang bersifat permukaan dan diberikan tidak dengan bukti yang jelas dan sahih (Mansor dan lain-lain, 2006). Sebagai sebuah negara yang multi-etnik, konflik boleh tercetus pada bila-bila masa biarpun melibatkan isu yang kecil termasuk pandangan stereotaip terhadap mana-mana etnik. Kelazimannya stereotaip terbentuk dari sikap prejudis suatu etnik terhadap etnik lain. Walaupun sesuatu perlakuan dilakukan oleh sekumpulan kecil individu sahaja dalam suatu kumpulan etnik, tetapi berikutan sikap prejudis yang ada dalam masyarakat, keseluruhan masyarakat mempercayai perlakuan itu dilakukan oleh seluruh komuniti etnik yang disasarkan itu. Oleh kerana itu, sekiranya konsep stereotaip ini gagal diuruskan dengan sebaiknya dalam negara ini maka ia boleh menyebabkan perkara berikut:

1. Menggugat Keharmonian Negara
2. Menyukarkan pembentukan Identiti Nasional

Pada zaman penjajahan etnik Melayu sering dikaitkan dengan kemunduran, kolot, bersifat individualistik dan cenderung kepada kegagalan. Orang Melayu digambarkan tidak mempunyai kepandaian dalam mengesplotasi sumber-sumber ekonomi dan memobilisasi modal (Abdul, 2009). Selain itu, etnik Melayu turut dianggap amat lemah daya usaha, tidak mempunyai cita-cita, tidak memiliki kerajinan, terlalu mengharapkan bantuan dan tidak boleh berdikari dalam menguruskan hal-ehwal sendiri (Mansor dan lain-lain, 2006). Walaupun begitu, pihak Inggeris ada menyatakan bahawa etnik Melayu mudah untuk berkerjasama dalam aspek sosial dan tidak memanjangkan nilai itu kepada aspek ekonomi. Etnik Melayu juga berbangga untuk mendapatkan kedudukan dalam perkhidmatan awam dan merupakan pentadbir yang baik.

Etnik Cina pula, digambarkan dengan stereotaip positif yang menggambarkan etnik tersebut bijak menguruskan modal dan sumber ekonomi serta mempunyai pengetahuan mengendalikan wang dan mengurus manusia yang ada hubungan dengan wang. Mereka dipotretkan dengan corak hidup secara kolektif yang berorientasikan kepentingan bersama. Bagaimana pun Simandjuntak dalam Abdul Halim (2009) mengatakan sikap etnik Cina yang tidak mahu berkongsi kedudukan ekonomi dan politik dengan etnik lain. Gayl Ness dalam

Mansor dan lain-lain, (2006) menambah stereotaip yang ditujukan kepada etnik Cina sebagai etnik yang sentiasa berorientasikan pencapaian, optimis, peniaga yang pintar, cenderung berdikari dan bangga dengan pencapaian terhadap kekayaan. Dalam kalangan etnik Melayu pula, stereotaip yang diberikan terhadap etnik Cina ialah kolompok yang tidak setia kepada negara bila berlaku ancaman keselamatan (Rohani, 2002).

Manakala fahaman stereotaip terhadap etnik India turut terpalit dengan gambaran yang negatif. Etnik India yang tinggal di kawasan ladang digambarkan sebagai rendah keupayaan mental, tidak mahu berdikari dan rendah orientasi pencapaian. Tetapi kepada etnik India yang tinggal di bandar dilabel sebagai pedagang dan peniaga yang mempunyai ciri-ciri seperti etnik Cina. Etnik India juga dikaitkan dengan bau badan yang tidak menyenangkan dan bersikap kurang menitik beratkan kebersihan persekitaran (Mansor dan lain-lain, 2006).

Kepelbagaian etnik dalam masyarakat boleh menjadi penyebab stereotaip. Gambaran terhadap kelompok tertentu dalam masyarakat, cenderung digambarkan sebagai umum, seragam dan statik. Gambaran mengenai sesebuah kategori etnik misalnya, dibina berdasarkan identiti kolektif yang menekankan penanda-penanda identiti etnik yang paling menyerlah untuk membezakannya dengan kategori etnik lain (Pue dan Charanjit, 2014; Noor Aziera dan lain-lain, 2017).

Fahaman stereotaip ini akan menimbulkan perasaan negatif dalam kalangan anggota masyarakat, khususnya dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Dalam hal ini, fahaman stereotaip akan mengakibatkan sesuatu kumpulan etnik itu memandang rendah terhadap kumpulan etnik lain dan mengakibatkan berlakunya keterbatasan interaksi antara etnik dan seterusnya menimbulkan sikap perkauman yang menebal dalam masyarakat majmuk. Berdasarkan stereotaip ini, sekiranya ia gagal diperbetulkan dalam setiap peringkat baik pada tahap individu, komuniti mahupun negara maka dalam jangka masa yang panjang ia akan menjadi 'api dalam sekam' yang boleh menganggu keharmonian dalam negara. Penyuburan ahaman stereotaip juga boleh berlaku melalui filem, kerana ia boleh menjadi penyebar propaganda yang berkesan (Nordeliyana dan Badrul, 2020).

Mengikut penjelasan yang diberikan oleh Shamsul (2007), stereotaip adalah merupakan pernyataan-pernyataan umum yang bersifat negatif yang ditujukan kepada kumpulan etnik tertentu bagi menggambarkan sikap, perlakuan dan budaya serta amalan yang dilakukan atau dimiliki oleh sesuatu etnik. Pernyataan-pernyataan umum berlaku akibat pertembungan dua atau lebih kumpulan etnik dalam sesuatu wilayah geografi. Seandainya fahaman salah akibat stereotaip ini gagal dibendung ia turut akan menimbulkan polemik yang berpanjangan serta diwarisi oleh generasi akan datang. Dalam jangka masa yang panjang stereotaip ini berupaya untuk mengagalkan aspirasi negara untuk membentuk identiti nasional sebagaimana yang tercatat dalam Prinsip Rukun Negara iaitu untuk merealisasikan cita-cita Malaysia untuk meningkatkan perpaduan antara rakyat, menjaga semangat demokrasi, mewujudkan masyarakat yang adil, mengekalkan pendekatan liberal dalam menangani kepelbagaian dan mewujudkan masyarakat yang maju dan berteknologi seterusnya pembentukan identiti nasional negara (Hussin, 2020; Suhadan dan Salmah, 2016).

Metodologi

Kajian tinjauan telah dilakukan untuk mengenal pasti kefahaman serta kepercayaan stereotaip oleh ahli suatu komuniti multi-etnik terhadap etnik lain. Pendekatan kuantitatif dipraktikkan

dengan mengumpul maklumat dengan bertanya melalui satu set instrumen seperti soal selidik kepada satu sampel individu yang dipilih daripada satu populasi yang dikaji. Metodologi ini menurut Ahmad dan Mohd Nor (2014) bersesuaian untuk mengkaji tingkah laku individu yang hendak diperhatikan seperti persepsi, tahap pengetahuan, kefahaman, kepercayaan, kegemaran dan lain-lain.

Kajian ini dijalankan pada Disember 2018 di Seksyen 2, Wangsa Maju, Kuala Lumpur ke atas penduduk yang tinggal di kawasan tersebut. Semua soalan kajian adalah direka khusus bagi mengenalpasti tahap stereotaip terhadap etnik lain. Kesemua instrumen iaitu soalan telah dilakukan kesahan kandungan dan ujian *cronbach alpha* bagi menentukan kesahan struktur instrumen soal-selidik ini. Kesemua dapatan daripada soal-selidik kajian ini telah dianalisis menggunakan perisian statistik SPSS (Statistical Package for the Social Sciences).

Di dalam kajian ini, teknik persampelan yang digunakan adalah secara bersasar iaitu menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) di mana penyelidikan ini telah menetapkan ciri-ciri tertentu yang hendak dipilih sebagai responden kajian. Responden seramai 300 orang adalah dalam kalangan komuniti penduduk berbilang etnik yang tinggal di Seksyen 2, Wangsa Maju, Kuala Lumpur. Latar lokasi adalah di kawasan perumahan kos rendah yang merupakan pangsapuri lima tingkat. Ahli komuniti penduduk di sini terdiri daripada pelbagai etnik yang terdiri dari etnik Melayu, Cina, India dan beberapa etnik lain yang kecil bilangan ahlinya. Etnik Cina merupakan kumpulan yang paling ramai iaitu 50 peratus daripada keseluruhan penduduk. Etnik Melayu merupakan etnik kedua terbesar iaitu meliputi 30 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk. Peratusan etnik India yang tinggal dalam komuniti ini ialah sebanyak 15 peratus. Sementara itu, etnik lain sebanyak lima peratus sahaja.

Keseluruhan perumahan yang ada di dalam komuniti ini dari jenis rumah pangsa lima tingkat yang berjumlah 104 blok semuanya. Kesemua blok-blok rumah pangsa ini tidak mempunyai kemudahan lif. Tangga menjadi satu-satu kemudahan yang digunakan oleh penghuni untuk naik dan turun ke rumah mereka. Majoriti ahli komuniti ini merupakan golongan kelas pekerja yang berkerja di sektor awam dan swasta dengan pendapatan yang kecil dan sederhana. Terdapat juga segelintir ahli komuniti yang menjalankan aktiviti perniagaan dengan membuka kedai runcit, berniaga di pasar basah dalam komuniti, membuka kedai dan gerai makanan serta menyediakan perkhidmatan seperti mencuci kenderaan, mengunting rambut dan jahitan.

Penilaian suatu fahaman stereotaip responden dalam kajian ini diperolehi daripada maklum balas responden terhadap soalan soal selidik yang dibangunkan. Set soal selidik merangkumi tiga konstruk iaitu: 1) konstruk perincian mudah, 2) konstruk anggap semua ahli etnik sama, dan 3) konstruk pernyataan umum negatif.

Nilai min keseluruhan konstruk dijadikan asas dalam menentukan kecenderungan responden terhadap sesuatu fahaman stereotaip responden terhadap etnik lain dalam komuniti. Dalam mengukur maklum balas daripada responden, kajian ini menggunakan skala likert yang berdasarkan kategori “sangat tidak setuju”, “tidak setuju”, “tidak pasti”, “setuju” dan “sangat setuju”.

Hasil Kajian Dan Perbincangan

Dalam kajian ini fahaman stereotaip ditakrifkan sebagai mempercayai atau membuat perincian mudah terhadap etnik lain, menganggap semua ahli etnik mempunyai persamaan, dan membuat atau mempercayai suatu pernyataan umum negatif terhadap seluruh ahli etnik.

Konstruk Perincian Mudah

Jadual 1 Maklum Balas Pernyataan Dalam Konstruk Perincian Mudah

Pernyataan dalam konstruk perincian mudah	Maklum balas responden				
	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju
Orang Melayu miskin kerana malas, boros dan kolot	53 (17.7%)	39 (13%)	142 (47.3%)	58 (19.3%)	8 (2.7%)
Orang Cina mengejar keuntungan semata-mata dan bangga dengan kekayaan hasil usaha sendiri	1 (0.3%)	11 (3.7%)	51 (17%)	75 (25%)	162 (54%)
Orang India kurang keupayaan, tidak berdikari dan lemah orientasi pencapaian	32 (10.7%)	27 (9%)	57 (19%)	20 (6.7%)	1 (0.3%)

Penemuan kajian berdasarkan jadual 1 mendapati Maklum balas yang diberikan oleh responden dalam konstruk mempercayai perincian mudah melalui kluster soalan atau pernyataan “orang Melayu miskin, boros dan kolot”, “orang Cina mengejar keuntungan semata-mata dan bangga dengan kekayaan hasil usaha sendiri”, dan “orang India kurang keupayaan, tidak berdikari dan lemah orientasi pencapaian” merupakan pernyataan yang membentuk perincian mudah. Maklum balas yang diberikan memberi kesan terhadap skor markah. Keseluruhan skor markah dijumlahkan dan nilai min (purata) yang diperolehi daripada soalan dijadikan justifikasi untuk menentukan tahap perincian mudah terhadap etnik lain. Nilai min kurang daripada tiga (3) dikategorikan sebagai tidak mempunyai kecenderungan mempunyai fahaman terhadap perincian mudah yang dinyatakan. Nilai min yang lebih daripada tiga (3) dikategorikan sebagai mempunyai kecenderungan mempercayai dan membuat perincian mudah terhadap etnik lain. Manakala nilai min sebanyak tiga (3) dikategorikan sebagai bersifat neutral.

Hasil analisis terhadap nilai skor min menunjukkan 12 peratus responden tidak mempunyai kepercayaan terhadap perincian mudah negatif terhadap etnik lain. Sementara itu didapati 63.7 peratus responden percaya terhadap perincian mudah negatif terhadap etnik lain. Manakala didapati 24 peratus responden bersikap neutral dalam aspek kepercayaan terhadap perincian mudah terhadap etnik lain. Oleh yang demikian, dapatlah dirumuskan bahawa konstruk perincian mudah diperingkat komuniti mendapati bahawa sebahagian besar ahli komuniti mempercayai perincian mudah yang diberikan terhadap etnik tertentu dalam komuniti.; 1) ahli komuniti tidak pasti terhadap pernyataan bahawa etnik Melayu miskin, boros dan kolot, 2) ahli komuniti percaya bahawa orang Cina mengejar keuntungan semata-mata dan bangga dengan kekayaan hasil usaha sendiri, dan 3) majoriti ahli komuniti tidak

pasti kepercayaan bahawa orang India kurang keupayaan, tidak berdikari dan lemah orientasi pencapaian.

Konstruk Anggap Semua Ahli Etnik Sama

Jadual 2 Maklum Balas Pernyataan Dalam Konstruk Bahawa Semua Ahli Etnik Sama

Pernyataan konstruk bahawa ahli etnik sama	dalam semua	Maklum balas responden				
		Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju
Setuju dengan pendapat setiap ahli suatu etnik mempunyai kelakuan yang sama		56 (18.7%)	83 (27.7%)	108 (36%)	48 (16%)	5 (1.7%)
Setuju dengan pendapat setiap ahli suatu etnik mempunyai pemikiran yang sama		22 (7.3%)	30 (10%)	17 (23.7%)	169 (56.3%)	8 (2.7%)

Penemuan kajian mendapati jumlah skor dalam konstruk percaya bahawa semua ahli etnik sama didapati bahawa responden yang mendapat nilai skor min kurang daripada tiga (3) ialah 23.1 peratus, responden yang mendapat nilai skor min tiga (3) ialah 17.7 peratus, dan responden yang memperolehi nilai skor min melebihi tiga (3) ialah 58.7 peratus. Ini bermakna 58.7 peratus responden dalam kajian ini mempunyai fahaman yang menyamakan seluruh ahli suatu etnik sebagai sama. Berdasarkan dapatan kajian dalam konstruk percaya semua ahli etnik sama ialah majoriti ahli komuniti tidak mempunyai fahaman yang menyamakan seluruh ahli etnik sama secara umum, menyamakan seluruh ahli suatu etnik pada pemikiran iaitu mempunyai pemikiran yang sama.

Oleh yang demikian, dapatlah dirumuskan dalam kajian ini responden mempercayai bahawa semua ahli etnik adalah sama secara kolektif. Dapatan daripada konstruk percaya bahawa semua ahli etnik adalah sama ialah; Ahli komuniti tidak percaya bahawa semua ahli etnik mempunyai kelakuan yang sama; tetapi mereka mempercayai bahawa semua ahli suatu etnik sama dalam aspek pemikiran.

Konstruk Pernyataan Umum Negatif

Jadual 3 Maklum Balas Pernyataan Dalam Konstruk Pernyataan Umum Negatif

Pernyataan konstruk umum negatif	dalam pernyataan	Maklum balas responden				
		Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju
Percaya setiap ahli suatu etnik yang ada dalam komuniti ini bertindak terhadap sesuatu kes/kejadian adalah		13 (4.3%)	14 (4.7%)	67 (22.3%)	182 (60.7%)	24 (8%)

gambaran tindakan seluruh
etnik tersebut


Sekali- sekala saya ada pandangan yang negatif terhadap etnik lain	6 (2%)	14 (4.7%)	85 (28.3%)	189 (63%)	6 (2%)
Saya syak etnik lain ada menyimpan pandangan negatif terhadap saya dan juga etnik saya	4 (1.3%)	8 (2.7%)	111 (37%)	175 (58.3%)	2 (0.7%)

Berdasarkan jadual di atas, penemuan kajian memperlihatkan peratusan bagi ketiga-tiga soalan menunjukkan lebih separuh responden iaitu 59 peratus mempercayai bahawa etnik lain mempunyai pandangan negatif terhadap diri dan etniknya. Bagaimanapun peratusan responden yang tidak dapat memberikan maklum balas dengan dengan pasti agak besar, iaitu seramai 37 peratus. Manakala hanya empat peratus sahaja responden yang tidak berfahaman bahawa etnik lain mempunyai pandangan negatif terhadap diri dan etniknya. Berdasarkan kepada dapatan daripada maklum balas terhadap pernyataan ini boleh disimpulkan bahawa sebahagian besar komuniti mempunyai fahaman yang mempercayai bahawa etnik lain etnik lain mempunyai pandangan yang negatif terhadap mereka.

Sehubungan dengan itu, nilai min daripada skor yang diperolehi daripada kluster soalan yang berkaitan pernyataan umum negatif dijadikan justifikasi untuk menentukan adanya fahaman yang bersifat umum negatif terhadap etnik lain dalam komuniti. Nilai min kurang dari tiga (3) dikategorikan sebagai tidak mempunyai kecenderungan percaya terhadap pernyataan umum negatif. Nilai min yang lebih daripada tiga (3) dikategorikan sebagai mempunyai kecenderungan percaya terhadap pernyataan umum negatif. Manakala nilai min sebanyak tiga (3) dikategorikan sebagai bersifat neutral.

Dapatlah dirumuskan bahawa dalam stereotaip konstruk 3 ini ialah percaya pada pernyataan umum negatif. Pada peringkat komuniti majoriti ahli mempercayai pandangan umum yang negatif. Dapatan dalam konstruk ini menunjukkan; ahli komuniti percaya bahawa tindakan ahli etnik merupakan gambaran tindakan seluruh etnik; mereka turut memberikan pandangan negatif terhadap etnik lain; dan, mempercayai bahawa etnik lain juga mempunyai pandangan negatif terhadap diri dan etniknya.

Berdasarkan penemuan kajian bagi ketiga-tiga kluster di atas, maka kajian ini dapat menyimpulkan terhadap kecenderungan terhadap kepercayaan stereotaip adalah seperti rajah di bawah:



N=299

Rajah 1 Kecenderungan Terhadap Kepercayaan Stereotaip Responden.

Rajah 1, menunjukkan 80 peratus responden cenderung mempunyai fahaman yang stereotaip terhadap etnik lain. Hanya 16.3 peratus responden tidak mempunyai fahaman yang stereotaip kepada etnik lain dalam komuniti. Manakala hanya 3.3 peratus responden mempunyai fahaman yang neutral terhadap etnik lain dalam komuniti. Sementara itu 0.3 peratus responden tidak dapat dipastikan tahap kecenderungan fahaman stereotaip kerana tidak menjawab beberapa soalan dalam set soalan berkaitan konsep stereotaip. Berdasarkan dapatan ini, boleh dikatakan bahawa majoriti responden mempunyai fahaman yang stereotaip terhadap etnik lain.

Berdasarkan dapatan kajian ini, fahaman stereotaip dalam kalangan masyarakat berada pada tahap membimbangkan dan selari dengan pandangan Mansor dan lain-lain, (2006) bahawa setiap individu sama ada daripada etnik Melayu, Cina atau India menganggap budaya dan amalan etnik sendiri lebih baik daripada etnik lain. Hal ini terjadi kerana menurut Ting (1987) yang menganggap stereotaip adalah merupakan isi kandungan prejudis atau prasangka. Ia adalah satu kepercayaan palsu atau generalisasi yang dilebih-lebihkan tentang ciri dan keadaan suatu kumpulan tertentu. Kewujudan stereotaip dalam masyarakat menunjukkan bahawa anggota dalam masyarakat itu mempunyai sikap prejudis terhadap anggota atau ahli yang lain dalam kumpulan berlainan dalam masyarakat. Stereotaip juga memungkinkan kemunculan atau melahirkan prejudis yang baru dan mengekalkan prejudis yang telah sedia ada dalam masyarakat.

Mengapa stereotaip ini masih ada? Ini kerana menurut Kendall (2004), stereotaip adalah kesimpulan yang berlebihan yang ditujukan kepada etnik atau kumpulan tertentu bagi menggambarkan keadaan keseluruhan ahli etnik atau kumpulan yang dirujuk. Stereotaip wujud berpunca daripada sikap prejudis yang ada dalam diri ahli etnik atau kumpulan tertentu terhadap etnik atau kumpulan lain. Seperti juga prejudis, stereotaip boleh dikategorikan kepada yang bersifat negatif dan positif. Henslin (2008) ada menjelaskan bahawa stereotaip ini subur disebabkan oleh prejudis yang wujud dalam masyarakat. Sikap prejudis yang ada dalam masyarakat berupaya mengekalkan dan menambah stereotaip dan memperluatkannya dalam masyarakat. Fahaman stereotaip bertambah kuat lagi apabila stereotaip yang dinyatakan berkait dengan sikap seperti pengotor, malas, tidak boleh dipercayai, pemabuk dilembarkan oleh pihak yang majoriti ke atas pihak minoriti. Dalam konteks hubungan antara

kumpulan majoriti dengan minoriti, manipulasi daripada pihak majoriti menjadikan stereotaip berpengaruh dalam masyarakat.

Selain itu, Higginbotham dan Andersen (2006) turut menjelaskan stereotaip wujud dalam masyarakat akibat proses sosialisasi dalam mengidentiti suatu kelompok dalam masyarakat. Ia adalah bentuk pengenalan mudah yang diberikan oleh suatu kelompok kepada suatu kelompok yang lain. Pembentukan imej stereotaip dalam masyarakat berpunca daripada penurunan informasi dari generasi ke generasi di bawahnya. Ia juga timbul daripada pengaruh budaya popular seperti muzik, filem serta media massa. Hal ini turut diperkukuhkan lagi melalui pandangan Azizi dan lain-lain, (2004) yang melihat stereotaip sebagai satu persepsi sosial. Persepsi sosial adalah merujuk kepada satu proses membuat penilaian terhadap manusia. Stereotaip adalah gambaran dalam mental atau pemikiran yang dicipta untuk sekumpulan manusia, masyarakat atau negara. Stereotaip kerap digunakan dengan cara membuat generalisasi umum terhadap individu dan menganggap setiap individu dalam kumpulannya mempunyai sifat itu. Stereotaip adakalanya merupakan satu gambaran yang benar kerana ia disimpulkan daripada pemerhatian dan maklumat daripada keadaan sebenar. Persepsi stereotaip yang negatif terjadi akibat daripada persaingan antara kumpulan. Kumpulan yang dipercayai bersaing bagi mendapat status, kuasa atau sumber, diberi stereotaip yang negatif oleh pihak yang berlawanan. Ini adalah kerana perspektif sosial pada hari ini adalah berdasarkan kedudukan individu dalam sosioekonomi.

Berbeza dengan Giddens (2006) yang menyatakan bahawa stereotaip adalah satu mekanisme yang meletakkan dan mengkategorikan sifat manusia berasaskan perlakuan yang selalunya dikaitkan dengan etnisiti. Stereotaip diletakkan oleh sesuatu kelompok majoriti ke atas kelompok minoriti adalah disebabkan perasaan marah semata-mata. Berdasarkan hal ini, stereotaip bukanlah merupakan satu perasaan yang sebenar. Sama seperti sarjana-sarjana lain juga, Giddens menjelaskan bahawa stereotaip boleh menjelma dalam bentuk yang positif dan negatif dan sukar dihapus setelah kepercayaan ini melekat dalam diri seseorang individu.

Sehubungan itu, Sri Rahayu dan lain-lain, (2006) pula membincangkan dari sudut psikologi bahawa stereotaip adalah pernyataan-pernyataan yang ditanggapi terlebih dahulu. Stereotaip berupa tanggapan yang bersifat negatif dan buruk seperti sifat pemalas, pengotor dan pembelit atau lain-lain yang dikaitkan dengan suatu etnik. Tanggapan yang bersifat umum ini terbentuk melalui pengalaman dan juga melalui proses sosialisasi. Stereotaip memberi kesan kepada manusia dengan tanggapan bahawa semua ahli di dalam kelompok etnik yang dirujuk mempunyai ciri-ciri yang sama. Ciri-ciri yang sama yang dimaksudkan seperti sifat-sifat umum seperti pemalas, pengotor dan lain-lain lagi seperti yang distereotaipkan oleh suatu etnik yang memberikan label tersebut. Walaupun pada hakikatnya tingkah laku dan sifat sedemikian adalah bersifat individu. Apa yang ditonjolkan oleh individu telah dianggap dilakukan sama oleh seluruh ahli dalam kumpulan etnik tersebut. Boleh dikatakan bahawa stereotaip adalah kepercayaan sikap yang sering berkait dengan prejudis dan diskriminasi.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya dapatlah disimpulkan bahawa persepsi Stereotaip dalam kalangan masyarakat masih menebal walhal perkara ini lebih kepada gambaran atau anggapan yang bersifat permukaan dan dijustifikasikan tanpa bukti yang jelas dan sahih. Penemuan kajian berdasarkan tiga konstruk iaitu: 1) konstruk perincian mudah, 2) konstruk anggap semua ahli etnik sama, dan 3) konstruk pernyataan umum negatif telah mendapati bahawa majoriti

responden mempunyai fahaman yang stereotaip terhadap etnik lain iaitu sebanyak 80 peratus. Berkesinambungan daripada dapatan kajian ini, kajian susulan boleh dicadangkan dengan mempelbagaikan responden berdasarkan umur, jantina serta kelas sosial agar konsep stereotaip dapat dilihat secara menyeluruh.

Penghargaan

Kertas kerja ini merupakan sebahagian daripada hasil daripada Penyelidikan Cuti Sabatikal Dr. Marzudi Md Yunus daripada Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Rujukan

- Abdul Halim Ramli. (2009). *Hubungan Kaum di Malaysia: Sejarah dan Asas Perpaduan*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. (2014). *Kaedah Penyelidikan Sosial daripada Perspektif Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Higginbotham, E. & Andersen, M.L. (2006). *Race and Ethnicity in Society: The Changing Landscape*. Canada: Thomas/Wadsworth
- Hussin, S. (2020, Ogos) Identity Through Culture and Arts Education. In 1st International Conference on Language, Literature and Arts Education. (hlm. 455-459) Atlantis Press
- Marzudi Md Yunus. (2018). *Konsep Sosiologi Kenegaraan*. Kuala Lumpur: ITBM
- Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz & Mohamad Ainuddin Iskandar Lee. (2006). *Hubungan Etnik di Malaysia*. Petaling Jaya: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Nordeliyana Darwes dan Badrul Redzuan Abu Hassan. (2020). Penerimaan Stereotaip Budaya Melalui Tontonan Filem Vernakular oleh Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(3), 1-13.
- Noor Aziera Mohamad Rohana, Mohd Faizal P. Rameli, Rawi Nordin, Siti Nurul Izza Hashim, (2017). *Kepelbagaian Dan Kesepaduan Etnik di Malaysia Menurut Islam*. Noor Aziera et al, *Sains Insani*, 2 (2), 88-97
- Kendall, D. (2004). *Sociology In Our Times-The Essential*. Edisi Kelima. United State: Thomson Wadsworth.
- Pue Giok Hun dan Charanjit Kaur, (2014). Identiti Etnik Minoriti di Malaysia: Antara Realiti Sosial Tafsiran Autoriti dan Tafsiran Harian. *Akademika* 84(1&2), 57-70
- Rohani Ab. Ghani. (2002). *Hubungan Kaum di Malaysia 1942-1948: Suatu Sorotan Ringkas*. Dlm. Rohani Ab. Ghani dan Zulhilmi (pnyt.). *Kenegaraan Malaysia: Isu-Isu Dan Perkembangan*, hlm. 76-98. Bentong: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2007). *Modul Hubungan Etnik*. Bangi: Institut Kajian Etnik UKM
- Shamsul Amri Baharuddin. (2012). *Modul Hubungan Etnik Edisi Kedua*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti.
- Sri Rahayu Ismail, Haslinda Abdullah & Zaid Ahmad. (2006). Dimensi Psikologi dalam Hubungan Etnik. Dlm. Jayum A. Jawan dan Zaid Ahmad (eds.). *Inter-Ethnic Relations in Malaysia*, (hlm. 9-18). Serdang: Universiti Putra Malaysia Press.
- Suhadan Anwar dan Salmah Jan Noor Muhammad. (2016). Perhubungan Gender dalam Masyarakat Tradisional Berdasarkan Hikayat Patani. *Journal of Business and Social Development*, 4(2), 25-47.